



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 2 TAHUN 2013**

---

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN  
PADA MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2013**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**TARIKH: 29 JANUARI 2013**

Pengendali Bas Ekspres

## **GARIS PANDUAN PENYEDIAAN BAS EKSPRES TAMBAHAN PADA MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2013**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan garis panduan penyediaan bas ekspres tambahan pada musim perayaan Tahun Baru Cina dalam tahun 2013.

### **LATAR BELAKANG**

2. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) akan mengeluarkan Lesen Perubahan Sementara (LPS) bagi penggunaan bas ekspres tambahan untuk keperluan orang ramai pada musim perayaan Tahun Baru Cina dalam tahun 2013.

## KEPUTUSAN YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

3. Pengendali bas ekspres hendaklah memohon LPS untuk menggunakan bas-bas dari kelas lesen bas sekolah, bas pekerja, bas catar, bas berhenti-henti dan bas persiaran di mana selepas ini dikenali sebagai 'Bas Ekspres Tambahan'. Pengendali bas ekspres juga boleh menggunakan bas-bas dari kelas lesen bas ekspres sebagai Bas Ekspres Tambahan tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan.

4. Bas Ekspres Tambahan yang layak untuk mendapat LPS hanya boleh menggunakan bas-bas yang memenuhi kriteria berikut:

- a) bas-bas dari kelas lesen **bas sekolah, bas pekerja, bas catar, bas berhenti-henti dan bas persiaran** yang dimiliki oleh pengendali yang memohon ATAU bas-bas dari kelas lesen **bas sekolah, bas pekerja, bas catar, bas berhenti-henti dan bas persiaran** yang dimiliki oleh pengendali lain di mana pemohon hendaklah menyertakan salinan asal surat kebenaran yang siap ditandatangani dan dicop dari pengendali yang berkenaan;
- b) Bas yang berusia kurang daripada 12 tahun dibenarkan bagi perjalanan sehala tanpa had jarak perjalanan. Bas yang berusia antara 12 hingga 15 tahun dibenarkan hanya

bagi perjalanan sehalu yang tidak melebihi 300km. Bas yang berusia lebih daripada 15 tahun tidak layak untuk permohonan LPS; dan

- c) Mempunyai cukai jalan dan perlindungan insuran yang masih beroperasi mengikut Bahagian IV 90 dan 91 Akta Pengangkutan Jalan 1987.

5. Bas-bas dari kelas lesen bas ekspres hanya layak mendapatkan LPS sekiranya:

- a. bas ekspres yang dimiliki oleh pemohon LPS yang ingin beroperasi di laluan selain daripada laluan yang diluluskan dalam Permit Perkhidmatan sedia ada;
- b. bas ekspres yang dimiliki oleh pemohon LPS yang beroperasi pada masa tambahan iaitu masa perjalanan di luar jadual perjalanan sedia ada; atau
- c. bas-bas dari kelas lesen bas ekspres pengendali lain.

Permohonan LPS dibuka berdasarkan kepada tempoh tertentu seperti yang dinyatakan di Lampiran A.

6. Garis panduan permohonan LPS adalah seperti berikut:
- (i) Permohonan LPS hendaklah dibuat oleh pengendali bas ekspres yang juga bertanggungjawab dalam penjualan tiket-tiket bas tambahan di kaunter tiket. **Ejen tiket tidak dibenarkan memohon LPS;**
  - (ii) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang LPS Musim Perayaan yang berwarna hijau;
  - (iii) Borang permohonan LPS boleh didapati dari pejabat-pejabat S.P.A.D yang berhampiran atau dimuat turun dari laman web rasmi S.P.A.D di [www.spad.gov.my](http://www.spad.gov.my);
  - (iv) Setiap borang permohonan hendaklah ditaip dengan kemas. Borang permohonan tulisan tangan akan ditolak;
  - (v) Contoh tiket Bas Ekspres Tambahan hendaklah disertakan bersama-sama borang permohonan;
  - (vi) Kadar bayaran bagi setiap permohonan LPS ialah sebanyak RM20.00;
  - (vii) Permohonan hendaklah dikemukakan ke pejabat S.P.A.D sahaja.

## SYARAT KHAS BAS EKSPRES TAMBAHAN

7. Pengendali bas ekspres yang mengendalikan Bas Ekspres Tambahan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut :

- (i) Bas-bas yang diluluskan sebagai Bas Ekspres Tambahan boleh beroperasi sebagai Bas Ekspres Tambahan hanya dalam tempoh LPS tersebut berkuatkuasa;
- (ii) Bas Ekspres Tambahan hendaklah mengambil dan menurunkan penumpang di terminal atau hentian bas yang dibenarkan;
- (iii) Pemandu kedua dan buku log mesti disediakan bagi perjalanan sehala yang melebihi 300km atau perjalanan yang memerlukan pemanduan berterusan selama 4 jam;
- (iv) **Caj tambahan sebanyak 10% daripada harga tiket hanya boleh dikenakan kepada Bas Ekspres Tambahan yang diberi kelulusan LPS sahaja;**
- (v) Mempamerkan pengenalan Bas Ekspres Tambahan seperti nombor trip, destinasi dan nama syarikat bas ekspres pada cermin hadapan bas;

- (vi) Mempamerkan kelulusan LPS di dalam bas bagi tujuan pemeriksaan;
- (vii) Semua tiket Bas Ekspres Tambahan yang digunakan hendaklah tiket yang bercetak komputer;
- (viii) Menyatakan maklumat berikut pada tiket bas:
  - a. Bas Ekspres Tambahan;
  - b. Kadar caj tambahan sebanyak 10% daripada harga tiket;
  - c. Nama terminal bas;
  - d. Nombor trip; dan
  - e. Masa dan destinasi perjalanan.
- (ix) Bas Ekspres Tambahan hendaklah mematuhi masa pergerakan atau masa beroperasi seperti masa yang dicetak di dalam tiket;
- (x) Bas Ekspres Tambahan hendaklah memberi perkhidmatan dari tempat permulaan sehingga ke destinasi akhir bas tersebut mengikut laluan yang diluluskan;
- (xi) Bas Ekspres Tambahan hendaklah memberi keselesaan kepada penumpang ketika beroperasi seperti hawa

dingin, tempat duduk dan lain-lain lagi;

- (xii) Pengendali Bas Ekspres Tambahan hendaklah menentukan penumpang membawa bagasi bagi tujuan penggunaan persendirian dan bukan untuk tujuan perniagaan, perdagangan, tunggangan dan keuntungan; dan
- (xiii) Pengendali Bas Ekspres Tambahan hendaklah memastikan semua penumpang mempunyai tiket yang sah.

#### **TERMINAL-TERMINAL BAS PADA MUSIM PERAYAAN**

8. Terminal bas ekspres dan Bas Ekspres Tambahan bagi Tahun Baru Cina tahun 2013 adalah seperti berikut:

- (i) Hentian Putra dan Hentian Pekeliling bagi perjalanan antara Kuala Lumpur dan negeri-negeri di sebelah timur Semenanjung;
- (ii) Pudu Sentral dan Hentian Jalan Duta bagi perjalanan antara Kuala Lumpur dan negeri-negeri di sebelah utara Semenanjung;



- (iii) Terminal Bersepadu Selatan bagi perjalanan antara Kuala Lumpur dan negeri-negeri di sebelah selatan Semenanjung; dan
  
- (iv) Lain-lain terminal seperti ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PERINGATAN**

9. Berdasarkan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, semua pengendali bas ekspres dan ejen-ejen tiket yang dilantik dikehendaki menjual tiket bas di dalam kaunter tiket masing-masing. Tindakan tegas termasuk menggantung dan membatalkan Lesen Pengendali akan diambil terhadap mana-mana pengendali yang gagal mematuhi arahan ini.

10. Pengendali bas ekspres yang memohon Bas Ekspres Tambahan akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap Bas Ekspres Tambahan tersebut. Apabila sesuatu kesalahan dikesan berhubung dengan syarat LPS kepada Bas Ekspres Tambahan tersebut, pengendali bas ekspres yang berkenaan boleh dipertuduhkan di bawah Seksyen 22 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

#### **TARIKH KUATKUASA PEKELILING**

11. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 29 Januari 2013.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL)**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**29 JANUARI 2013**

## LAMPIRAN A

### TAKWIM PENGELUARAN LESEN PERUBAHAN SEMENTARA (LPS) SEMPENA MUSIM PERAYAAN TAHUN 2013

Cuti / Perayaan	Tarikh Perayaan	Tempoh Pemohonan LPS	Tempoh Kuatkuasa LPS
Tahun Baru Cina	10 Februari hingga 11 Februari 2013	29 Januari hingga 7 Februari 2013	3 Februari hingga 17 Februari 2013